



KHUTBAH KHAS HARI RAYA AIDILADHA
10 ZULHIJAH 1444 HIJRAH/29 JUN 2023 MASIHI

**KEJAYAAN UMAT MENUNTUT
KEPADA PENGORBANAN**

DIKELUARKAN OLEH JABATAN MUFTI PERLIS

KHUTBAH KHAS HARI RAYA AIDILADHA
KEJAYAAN UMAT MENUNTUT KEPADA PENGORBANAN
(10 ZULHIJAH 1444 HIJRAH/29 JUN 2023 MASIHI)

Khatib mempunyai pilihan, sama ada hendak memulakan bacaan takbir seperti di bawah ini atau terus membaca Alhamdulillah.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ، وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا
وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا
هَادِيَ لَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى؛ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

وَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ :

فَإِنَّ أَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ، وَخَيْرَ الْهُدَى هُدَى مُحَمَّدٍ ﷺ، وَشَرَّ الْأُمُورِ مُحْدَثَاتُهَا، وَكُلَّ مُحْدَثَةٍ بِدْعَةٌ، وَكُلَّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ، وَكُلَّ ضَلَالَةٍ فِي النَّارِ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Hadirin Muslimin Muslimat Yang Dirahmati ALLAH Sekalian,

Marilah sama-sama kita bertakwa kepada ALLAH SWT dengan sebenar-benar takwa, iaitu melakukan segala perintahNya dan meninggalkan segala laranganNya, mudah-mudahan kita semua mendapat keampunan dan keredhaan ALLAH SWT. Mimbar pada pagi Hari Raya Aidiladha ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“KEJAYAAN UMAT MENUNTUT KEPADA PENGORBANAN”**.

Muslimin Dan Muslimat Yang Dihormati Sekalian,

Pada hari ini, bertepatan dengan 10 Zulhijjah bagi tahun 1444 hijrah telah disyariatkan kepada kita supaya menyambut hari raya Aidiladha. Perkataan **“pengorbanan”** menurut istilah syarak ialah; **“Segala bentuk daya usaha yang membawa diri seseorang mendekatkkkan dirinya kepada ALLAH SWT”**.

Pengorbanan itu dituntut dalam pelbagai aspek kehidupan kita sebagai orang yang beriman kepada ALLAH SWT. Tidak akan tersebar dan tertegak agama Islam yang tinggi dan mulia di atas muka bumi ALLAH ini, tanpa ada pengorbanan dari baginda Rasulullah SAW dan para sahabatnya رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ أَجْمَعِينَ. Tidak akan tertegak dakwah Islamiyah untuk menyeru seluruh manusia supaya mentauhidkan ALLAH SWT tanpa pengorbanan dari umat Islam itu sendiri.

Tidak akan tertegak jihad untuk menentang serangan musuh-musuh Islam tanpa ada pengorbanan dari umat Islam itu sendiri untuk menentang musuh-musuh agama dan Negara. ALLAH SWT berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 207:

وَمِنَ النَّاسِ مَن يَشْرِي نَفْسَهُ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ وَاللَّهُ رَءُوفٌ بِالْعِبَادِ ﴿٢٧﴾

Maksudnya: “*Dan di antara manusia ada yang mengorbankan dirinya kerana mencari keredaan ALLAH semata-mata; dan ALLAH pula amat belas-kasihan akan hamba-hambaNya*”.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin Dan Muslimat Yang Dikasihi Sekalian,

Pada hari raya Aidiladha yang mulia ini, bagi kita yang mempunyai kemampuan dituntut supaya melaksanakan ibadah korban. Melaksanakan ibadah korban adalah salah satu lambang pengorbanan umat Islam untuk agamanya kerana ALLAH SWT, sepertimana yang telah diperintakkannya, iaitu dengan menyembelih binatang seperti unta, kibas, lembu, kerbau atau kambing dan daging itu dimakan serta diberikan kepada para fakir miskin. ALLAH SWT berfirman dalam surah al-Hajj ayat 28:

لِيَشْهَدُوا مَنَفَعَ لَهُمْ وَيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ فِي أَيَّامٍ مَّعْلُومَاتٍ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُم مِّنْ بَهِيمَةِ

الْأَنْعَامِ فَكُلُوا مِنْهَا وَأَطْعِمُوا الْفُقَرَاءَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: “*Supaya mereka menyaksikan pelbagai perkara yang bermanfaat kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama ALLAH, iaitu pada hari-hari yang tertentu, kerana pengurniaanNya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); dengan yang demikian, makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin*”.

Ibadat korban adalah lambang ketaatan kepada ALLAH dan juga merupakan suatu tanda keikhlasan terhadap kesediaan seseorang untuk berkorban demi agama ALLAH SWT. Selain itu, ibadah haji dan ibadat korban juga bertujuan untuk mendidik, mengasuh dan mengajar umat Islam supaya bersifat sabar, pemurah, bertolak ansur, bantu-membantu dan sebagainya, yang mana hasilnya nanti, kita dapat mengeratkan

hubungan persaudaraan dan seterusnya dapat mengukuhkan perpaduan sesama umat Islam.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin Dan Muslimat Yang Dihormati Sekalian,

Antara hikmah disebalik ibadah korban yang boleh diambil pengajaran darinya ialah, kisah pengorbanan Nabi Ibrahim dan keluarganya. Kisah pengorbanan Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail dalam menegakkan agama ALLAH di tanah Arab yang kering kontang dan gersang pada masa itu amat menguji keimanan mereka. Selain itu, faktor cuaca dan bentuk muka bumi yang sukar, mereka juga menghadapi cabaran musuh besar daripada godaan syaitan yang cuba menggagalkan seruan dakwah kepada agama ALLAH.

Walau bagaimanapun, dengan adanya ketaatan dan kesabaran, maka hasutan syaitan dapat dihapuskan. Kisah mereka dirakam oleh ALLAH SWT dalam Al-Quran supaya kita dapat mengikut contoh teladan yang telah ditunjuk oleh nabi Ibrahim AS tersebut. Pengorbanan Nabi Ibrahim AS yang paling besar menguji kesabarannya dalam melaksanakan perintah ALLAH ialah perintah menyembelih anak kesayangannya iaitu Nabi Ismail AS, sebagaimana yang diceritakan oleh ALLAH SWT dalam surah Ash Shaaffat ayat 102:

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَئِي إِنِّي أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْنَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَىٰ ۗ قَالَ

يَتَأَبْتِ أَفْعَلٌ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ۗ

Maksudnya: *"Maka ketika anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-samanya, Nabi Ibrahim berkata: "Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?". Anaknya menjawab: "Wahai ayahku, jalankan apa yang diperintahkan kepadamu; insya ALLAH, ayah akan mendapati daku daripada orang-orang yang sabar".*

Berdasarkan ayat tersebut, kita dapat melihat sejauh mana keimanan dan ketaatan nabi Ibrahim AS kepada ALLAH SWT yang mengatasi segala-galanya, sehingga sanggup mengorbankan anak kesayangannya sendiri. Begitu juga keimanan dan ketaatan Nabi Ismail AS yang ketika itu sanggup berkorban nyawa dengan penuh kerelaan semata-mata mentaati perintah ALLAH kepada ayahandanya Nabi Ibrahim AS.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin Dan Muslimat Yang Dirahmati ALLAH Sekalian,

Kita perlu sedar bahawa menyambut hari raya Aidiladha adalah satu ibadah yang boleh menambahkan keimanan dan keikhlasan kita disisi ALLAH SWT. Selain bergembira kita perlu menghayati pengajaran dari peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim AS dan anaknya iaitu ketaatan keduanya dalam melaksanakan perintah ALLAH. Cuba kita bayangkan sekiranya kita sebagai ibu bapa diuji oleh ALLAH seperti itu, adakah kita sanggup melakukannya demi kerana taat perintah ALLAH?.

Apa yang mendukacitakan kita pada hari ini ialah nilai-nilai murni yang dititik beratkan dalam agama Islam semakin diabaikan, sama ada dari sudut akidah, ibadah mahupun akhlak. Masih ada lagi dalam kalangan umat Islam yang tidak mahu menghadiri kuliah pengajian ilmu agama yang disampaikan di masjid-masjid, yang disampaikan oleh guru-guru yang bertauliah.

Masih ramai lagi di kalangan kita yang sengaja meninggalkan solat lima waktu yang diwajibkan. ALLAH berfirman dalam surah Thaahaa ayat 132 :

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا لَّحْنٌ نَّرْزُقُكَ وَالْعَاقِبَةُ لِلتَّقْوَى



Maksudnya: *"Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan solat dan hendaklah engkau bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, Kamilah yang memberi rezeki kepadamu;. dan kesudahan yang baik adalah bagi orang yang bertakwa".*

Oleh itu, Mimbar ingin menyeru para jemaah dan umat Islam sekalian, ingatlah dan insaflah semasa kita masih hidup dan sihat, masih berkuasa dan bertenaga, marilah kita mendekatkan diri kepada ALLAH SWT dengan terus kekal melaksanakan titah perintanNya dan meninggalkan segala laranganNya.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.

Bagi sesiapa yang ingin membaca khutbah dengan dua (2) bahagian, maka hendaklah berhenti di sini, dan memulakan dengan khutbah kedua di bawah. Bagi sesiapa yang ingin membaca dengan satu (1) khutbah sahaja, maka hendaklah meneruskan bacaan sehingga habis teks ini.

اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ
 اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ
 اللَّهُ أَكْبَرُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَ أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ،

Sidang Jemaah Yang Dihormati Sekalian,

Bersempena hari raya Aidiladha yang mulia ini, ada di kalangan kita yang berkemampuan melakukan ibadah korban. Untuk melaksanakan Ibadah korban kita hendaklah memahami beberapa adab dan hukum-hakam dalam Islam yang berkaitan

dengan sembelihan korban. Antara beberapa perkara tersebut yang dapat disimpulkan dan diringkaskan di sini ialah:

Pertama: Menyembelih binatang korban hanya boleh dilakukan setelah selesai melaksanakan solat hari raya Aidiladha dan pada hari-hari tasyriq iaitu pada 11,12 dan 13 Zulhijjah. Tidak dihukum sebagai ibadah korban bagi sesiapa yang menyembelih sebelum selesai solat hari raya Aidiladha, sepertimana Rasulullah SAW bersabda;

إِنَّ أَوَّلَ مَا نَبَدْنَا بِهِ فِي يَوْمِنَا هَذَا نُصَلِّي ثُمَّ نَرْجِعُ فَنَنْحَرُ فَمَنْ فَعَلَ ذَلِكَ فَقَدْ أَصَابَ سُنَّتَنَا وَمَنْ ذَبَحَ فَإِنَّمَا هُوَ لَحْمٌ قَدَّمَهُ لِأَهْلِهِ لَيْسَ مِنَ النَّسْكِ فِي شَيْءٍ

Ertinya: *“Sesungguhnya perkara pertama yang kita mulakan pada hari ini (yakni pada Hari Raya Korban) ialah kita bersolat (hari raya dahulu), kemudian kita pulang dan menyembelih (binatang korban). Maka barangsiapa yang melakukan seperti itu maka dia telah dapat (melaksanakan) sunnah kami. Maka barangsiapa yang menyembelih (binatang korban) sebelum solat (hari raya), maka sesungguhnya sembelihan itu adalah daging yang diperuntukkan bagi ahli keluarganya (sahaja), tidak dikira (sebagai) binatang korban sedikitpun”.* (Hadis Riwayat Muslim)

Kedua; Menjadikan daging korban sebagai upah kerja menyembelih korban. Menjadikan daging sembelihan korban (udhiyah) sebagai upah kepada mereka yang terbabit menjalankan kerja-kerja korban seperti tukang sembelih, tukang lapah dan lainnya bererti menjual daging membeli tenaga kerja. Larangan memberikan daging atau bahagian lain dari haiwan korban sebagai upah kerja kepada penyembelih adalah termaktub dalam hadis-hadis yang sahih, salah satu dari hadis-hadis tersebut ialah dari `Ali bin Abi Talib RA, dia berkata:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَهُ أَنْ يَقُومَ عَلَى بُدْنِهِ، وَأَنْ يَقْسِمَ بُدْنَهُ كُلَّهَا، لِحُومِهَا وَجُلُودِهَا وَجِلَالِهَا، وَلَا يُعْطَى فِي جِزَارَتِهَا شَيْئًا

Ertinya;“*Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. telah memerintahkan aku menyembelih unta-untanya (sembelihan ketika haji). Baginda memerintahkan agar aku membahagikan kesemuanya; daging, kulit dan apa yang menutupi belakang unta-unta itu (seperti pelana dan seumpamanya). Baginda juga memerintahkan agar aku tidak memberikan kepada jazar (penyembelih dan pelapah) sedikit pun darinya.*” (Hadis Riwayat al-Bukhari Muslim).

Dan Ali RA berkata:

نَحْنُ نُعْطِيهِ مِنْ عِنْدِنَا

Ertinya;“*Kami memberikan kepada penyembelih dan pelapah upah daripada (harta) kami sendiri*”. (Hadis Riwayat Muslim)

Walau bagaimanapun pemberian kepada penyembelih dari bahagian korban dibolehkan sekiranya ia diberikan bukan di atas dasar upah. Dibolehkan memberikan kepada penyembelih atau pelapah atau sesiapa yang bekerja untuk urusan korban atas sebab kemiskinan atau persahabatan yang sekiranya tanpa kerja yang telah dilakukan pun dia tetap akan diberikan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Muslimin Dan Muslimat Yang Dirahmati ALLAH Sekalian,

Ketiga; Tidak boleh menyembelih binatang korban dengan cara yang kejam tanpa ihsan kepada haiwan sembelihan. Ini biasanya terjadi ketika proses merebahkan haiwan, pisau yang digunakan. Sifat ihsan atau simpati diwajibkan ke atas kita ketika menguruskan haiwan sembelihan terutamanya korban yang merupakan ibadah kepada ALLAH. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ: فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَحْسِنُوا الْقِتْلَةَ، وَإِذَا

ذَبَحْتُمْ فَأَحْسِنُوا الذَّبْحَةَ، وَلِيُجِدَ أَحَدُكُمْ شَفْرَتَهُ، وَلِيُرِخَ ذَبِيحَتَهُ

Ertinya;“*Sesungguhnya Allah menulis (mewajibkan) ihsan atas segala sesuatu. Apabila kamu mahu membunuh (dengan alasan yang sah), maka perelokkanlah pembunuhan itu. Apabila kamu mahu menyembelih, maka perelokkanlah penyembelihan itu, dan hendaklah kamu menajamkan mata pisau dan hendaklah dia merehatkan (menyenangkan) haiwan sembelihannya itu!*”. (Hadis riwayat Muslim).

Berdasarkan hadis di atas, memastikan pisau benar-benar tajam, haiwan yang diuruskan dengan tenang merupakan sebahagian dari tuntutan ihsan.. Antara perbuatan yang menafikan sifat ihsan ialah mengasah pisau atau menyembelih binatang korban di hadapan binatang korban yang sedang menunggu giliran untuk disembelih.

Keempat; Melaksanakan ibadah korban dari sumber yang halal. Korban merupakan ibadah kepada ALLAH, maka tidak boleh melakukan korban dengan menggunakan hasil dari wang yang haram seperti hasil riba, hasil judi, mengambil hak orang lain dan seumpamanya. Ini kerana Allah hanya menerima apa yang halal dan baik. Rasulullah SAW bersabda;

إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا

Ertinya; “*Allah itu baik, (Allah) tidak (akan) menerima melainkan yang baik*”
(Hadis Riwayat Muslim)

Kelima: Mengambil Daging Korban Tanpa Izin. Daging korban adalah milik pembuat korban, bukan milik masjid, surau dan seumpamanya. Pihak pengurusan masjid, surau atau pihak penganjur majlis ibadah korban dilarang bertindak sesuka hati mengagihkan daging korban kepada sesiapa sahaja tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu dari pemilik sebenar daging korban. Rasulullah SAW bersabda;

لَا يَحِلُّ مَالُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ إِلَّا بِطَيْبِ نَفْسٍ مِنْهُ

Ertinya:“*Tidak halal harta seorang muslim kecuali dengan kerelaan (keizinan dari dirinya)*”. (Hadis Riwayat Abu Daud dan Daruquthni, Disahihkan Oleh Sheikh al-Albani).

Hadis di atas secara umumnya menunjukkan bahawa, apa sahaja jenis harta hak milik seorang muslim tidak boleh diambil tanpa keizinannya. Oleh itu, orang yang melakukan korban berhak dalam menentukan daging korbannya sama ada mahu memakan, atau memberikan kepada sesiapa atau menyimpannya. Mengambil daging korban orang lain tanpa terlebih dahulu diizinkan oleh pemiliknya yang berniat dan membelanjakan hartanya untuk korban tersebut adalah **HARAM**.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ

إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ

إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ

وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَقَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Ampunilah seluruh kaum muslimin sama ada yang hidup ataupun yang telah mati. Ya Allah! Berikan petunjuk hidayah serta rahmatMu kepada kami sekalian hamba-hambaMu dan kepada pemimpin kami terutamanya Raja pemerintah Negeri Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail dan Pemangku Raja Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail serta kaum kerabat Baginda, supaya sentiasa beramal dengan kitabMu dan sunnah nabiMu Muhammad SAW, dan Engkau lanjutkanlah usia baginda berdua dalam keadaan selamat, sihat sejahtera.

Ya Allah! Ya Haiyy! Ya Qayyum! Ya Syafi! Engkau berikanlah kesembuhan kepada hambaMU Raja kami Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail yang telah menerima rawatan dengan kesembuhan yang baik. Engkau mudahkan segala urusan baginda, ringankan segala beban, liputilah jiwa baginda dengan iman serta kebahagiaan. Engkau limpahilah jasad dan umur baginda dengan penuh keberkatan dan keafiatan.

Ya Allah! Jadilah hari ini benar-benar hari kemenangan untuk kami. Berilah kebahagiaan dan kegembiraan buat kami, kaum keluarga kami dan seluruh rakyat dalam negeri dan negara ini. Kekalkan nikmat kesejahteraan dan tambahkanlah kebaikan dan keberkatan dari sisiMU.

Ya ALLAH! Engkau berikanlah kekuatan kepada kami umat Islam di seluruh dunia untuk menghadapi musuh kami dan musuhMu. Ya ALLAH! Berikan pertolongan kepada saudara-saudara kami di mana sahaja mereka yang ditindas, dizalimi dan dibunuh. Ya ALLAH! Engkau selamatkan masjid Al-Aqsa dari kebinasaan yang dilakukan oleh rejim zionis dan kekejaman mereka.

Ya Allah! Jadikanlah hari raya ini sebagai suatu syiar agama untuk kami berasa mulia dengannya. Sesungguhnya tiada kemuliaan melainkan kemuliaan itu datang daripada Engkau Ya Allah! Engkau terimalah segala amal soleh kami dan Engkau kurniakanlah sifat istiqamah untuk kami meneruskan amal ibadah yang perintahkan kepada kami.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. رَبَّنَا لَا تَجْعَلْ

قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ.